**UCAPAN**
**YANG MULIA DATO PADUKA**
**HAJI KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**
**DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG**
**HARI KHAMIS 30 MEI 2002**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Amat Arif, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi,

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia, Ahli-Ahli Badan Peguam,

Para tetamu,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya amat sukacita dapat berucap buat kali pertama kepada Yang Amat Arif pada upacara seperti ini dan saya memang berharap akan dapat berbuat demikian di upacara yang serupa pada tahun-tahun mendatang.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat tradisi undang-undang yang amat penting di Negara Brunei Darussalam dan bagi membaharui ikrar kita untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam melaksanakan keadilan dan mempertahankan Kedaulatan Undang-Undang.

Pertama-tama, izinkan saya mengucapkan pujian kepada Yang Amat Arif dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Kehakiman, kerana tabah dalam menghadapi kesusahan yang berpunca dari kerosakan sistem pendingin hawa selama beberapa bulan. Kami tentunya sangat berterima kasih kepada Yang Amat

Arif, kerana menangguhkan Pembukaan Tahun Undang-Undang supaya kita dapat menghadiri upacara hari ini dalam keadaan yang menyenangkan.

Yang Amat Arif,

**Undang-undang Baru**

Adalah menjadi tradisi dalam upacara ini untuk menyebutkan kepada Yang Amat Arif, beberapa undang-undang baru yang telah digubal sejak Pembukaan Tahun Undang-Undang yang lalu. Tahun lalu sekali lagi telah menyaksikan pengenalan beberapa undang-undang dan pindaan kepada undang-undang yang sedia ada yang memberi perhatian kepada beberapa perkara penting. Saya ingin menyebutkan secara ringkas sebahagian daripadanya.

Pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta Bank untuk melarang penerimaan deposit tanpa lesen. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk mencegah kegiatan-kegiatan orang ramai yang terlibat dalam skim cepat kaya.

Sebagai sebahagian dari usaha Kerajaan untuk membasmi pengaruh dadah di negara ini, Akta Penyalahgunaan Dadah telah dipinda untuk mengurangkan jumlah minimum dadah methylamphetamine atau syabu, yang pengedarannya boleh membawa hukuman mati.

Pindaan-pindaan telah juga dibuat kepada Akta Suratkhabar-Suratkhabar Tempatan untuk mengawalselia pencetakan, penerbitan, pengeluaran dan pengeluaran semula suratkhabar-suratkhabar di negara ini.

Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 Muharam Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 26hb Mac 2001. Penguatkuasaan Akta ini menandakan satu langkah penting dalam perkembangan sistem undang-undang negara ini.

Yang Amat Arif,

**Usaha Penyemakan Undang-Undang**

Yang Amat Arif telah menyebut sebelum ini perkara penyemakan undang-undang. Saya berkongsi pandangan dengan Yang Amat

Arif bahawa usaha seperti ini adalah penting. Jabatan saya terlibat dengan giatnya dalam menyemak Undang-Undang Brunei. Sejak Pembukaan Tahun Undang-Undang pada tahun lepas, beberapa Akta telah disemak termasuk Kanun Hukuman Jenayah, Kanun Peraturan Jenayah, Akta Keterangan, Akta Penyalahgunaan Dadah dan Akta Imigresen. Saya ingin meyakinkan Yang Amat Arif bahawa penyemakan undang-undang ini adalah satu usaha yang berterusan.

Yang Amat Arif,

Undang-undang paling sempurna di atas kertas pun tidak akan berguna melainkan jika undang-undang itu dikuatkuasakan secara adil dan berkesan. Dalam konteks ini, saya ingin menyampaikan peng-hargaan kepada pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik dan agensi-agensi penguatkuasaan lain kerana usaha dan dedikasi mereka yang tidak putus-putus dalam mendukung undang-undang yang ada kalanya

dalam hal keadaan yang sukar. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan atas kerjasama rapat yang diberikan oleh agensi-agensi tersebut kepada Jabatan saya, yang banyak menyumbang terhadap kejayaan perlaksanaan tanggungjawab Jabatan saya dalam menjalankan pendakwaan-pendakwaan jenayah.

Saya juga secara peribadi ingin menyampaikan penghargaan kepada Peguamcara Negara dan semua pegawai saya daripada Bahagian-Bahagian Jabatan saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran, kerana usaha mereka dalam memikul tanggungjawab mereka dan melaksanakan mandat Jabatan saya untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang.

Yang Amat Arif,

**Memberi perhatian terhadap Ancaman Jenayah Terancang Transnasional termasuk langkah-langkah membanteras pengganasan**

Peristiwa 11$^{hb}$ September tahun lalu di Amerika Syarikat telah menumpukan perhatian dunia ke atas isu pengganasan dan jenayah-jenayah transnasional lain. Rantau ini tidak terkecuali. Dalam Sidang Kemuncak ASEAN yang baru lalu yang berlangsung di

Negara Brunei Darussalam, Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN telah mengutuk keras perbuatan tersebut dan menerimapakai Perisytiharan mengenai Tindakan Bersama untuk Memerangi Pengganasan.

Jabatan saya beriltizam untuk menyokong dengan sepenuhnya usaha Kerajaan dalam memerangi jenayah-jenayah transnasional terutamanya pengganasan dengan memastikan bahawa terdapat undang-undang yang mencukupi dan berkesan untuk mengelakkan Brunei dari menjadi tempat perlindungan selamat yakni *safe haven* bagi orang-orang yang melakukan jenayah-jenayah tersebut dan aset-aset mereka.

Kita beruntung bahawa dalam usaha melaksanakan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei kita telah menggubal Perintah Pelaburan Wang Haram, Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil) dan Akta Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil), yang bersama dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Ketenteraman Dalam Negeri.kita yang sedia ada adalah bersangkut-paut dengan usaha memerangi jenayah-jenayah transnasional.

Jabatan saya juga, dengan berunding dengan agensi-agensi yang berkaitan, sedang dalam proses menggubal undang-undang baru bagi memudahkan bantuan bersama di sisi undang-undang dalam perkara-perkara jenayah dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang negara lain.

Selain itu kita sedang meneliti suratcara antarabangsa yakni *international instruments* yang berkaitan berhubung dengan jenayah-jenayah transnasional dan pengganasan seperti *UN Convention Against Transnational Organised Crimes* dan *International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism* dengan tujuan untuk menyokong jika bersesuaian supaya ia ditandatangani dan diratifikasi.

**Penyelesaian Lain Pertikaian dan penubuhan pengantaraan dan timbangtara untuk melengkapi prosiding litigasi biasa.**

Yang Amat Arif,

Semasa saya menjadi Ketua Pendaftar dan Hakim Mahkamah Perantaraan, saya mula menyedari bahawa ada kalanya litigasi bukanlah cara yang terbaik untuk menyelesaikan pertikaian.

Oleh kerana bentuk penentangan yang tinggi dalam proses litigasi, ada kalanya tidak bersesuaian untuk menggunakan proses litigasi biasa mahkamah bagi menyelesaikan misalnya, pertikaian perdagangan di mana hubungan ahli-ahli perniagaan seharusnya tidak terjejas.

Oleh itu adalah mungkin bersesuaian untuk meneroka satu bentuk penyelesaian lain pertikaian bagi melengkapi proses litigasi biasa. Dalam konteks ini, ada baiknya untuk diambil maklum bahawa Akta Timbangtara kita memang membenarkan penubuhan mekanisme penyelesaian lain pertikaian.

**Penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil**

Mekanisme litigasi kita yang sedia ada tidak seharusnya ditumpukan hanya kepada memudahkan penyelesaian pertikaian di antara perniagaan-perniagaan atau di antara mereka yang mampu menggunakan khidmat peguam-peguam. Orang ramai juga tidak seharusnya dilupakan. Dalam hubungan ini, saya dengan sukacitanya mencadangkan kepada Yang Amat Arif, untuk menimbangkan penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil khusus

untuk menyelesaikan pertikaian di peringkat individu. Mahkamah sepatutnya membolehkan orang ramai untuk menyelesaikan pertikaian kontrak kecil tanpa banyak kerenah dan perbelanjaan. Di negara-negara di mana mekanisme tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya, peguam-peguam tidak dibenarkan, yang bermakna bahawa kes-kes telah dapat diselesaikan dengan cepat dengan perbelanjaan yang sedikit dan prosedur itu adalah tidak rasmi dan persendirian, dengan itu mengelakkan suasana mahkamah yang formal dan selalunya menakutkan.

Yang Amat Arif,

**Penubuhan Mahkamah Juvenil**

Telah sampai ke perhatian Jabatan saya terutamanya pada tahun-tahun kebelakangan ini bahawa pesalah-pesalah remaja semakin ramai. Pada masa ini, terdapat peruntukan-peruntukan yang tidak mencukupi dalam sistem undang-undang untuk menanganinya dengan berkesan, terutama sekali dengan ketiadaan mahkamah-mahkamah juvenil dan tempat-tempat tahanan yang sesuai. Ini kadang-kadang mendatangkan sedikit kesulitan kepada Pihak

Pendakwa dalam memutuskan sama ada pertuduhan jenayah patut dimulakan terhadap remaja yang memungkinkan mereka menghadapi satu sistem perbicaraan dan kemudahan menjalani hukuman penjara yang dimaksudkan untuk pesalah-pesalah dewasa. Saya dengan tegas berpendapat bahawa pesalah-pesalah muda ini mestilah diperlakukan dengan cara yang berbeza oleh sistem undang-undang dan kekurangan yang telah saya sebutkan itu mestilah diberikan perhatian segera.

## Penutup

Dengan sukacitanya Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya amat gembira dengan hubungan baik yang telah lama wujud di antara Jabatan saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian dan saya berharap hubungan seperti ini akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Sistem Undang-Undang semestinyalah mendapat kepercayaan orang ramai. Kita semua bertanggungjawab mendukung keutuhannya.

Akhir sekali izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga maju jaya dalam bulan-bulan selebihnya tahun ini.